

Laluan dikawal k

BH - 4 JUL 2000

GRIK, Isnin - Semua laluan dari Kern Batalion 304 Infantri Askar Wataniah di sini ke seluruh negara, dikawal rapi berikutan kecurian lebih 146 senjata api pelbagai jenis dan 5,000 butir peluru oleh 15 lelaki awal pagi semalam.

Berpuluh-puluh sekatan jalan diadakan terutama di laluan ke Pangkalan Hulu di sempadan Malaysia-Thailand; Lebuh raya Timur Barat ke Kota Bharu; dan jalan utama dari sini ke Lebuh raya Utara-Selatan.

Sumber-sumber berkata, kumpulan itu dipercayai tidak dapat melintasi sempadan Malaysia-Thailand di Pangkalan Hulu, kira-kira 50 kilometer dari sini kerana pintu kawalan Imigresen hanya dibuka jam 7 pagi.

Pencerobohan itu berlaku antara jam 4.15 pagi hingga 4.45 pagi, manakala laporan polis dibuat pada jam 5.30 pagi.

Sejak semalam, aktiviti dalam kawasan kern itu sentiasa sibuk, begitu juga dengan lapangan terbang di sebelahnya, yang menyaksikan pesawat tentera berlepas dan mendarat membawa pegawai kanan pasukan keselamatan.

Polis Kedah turut memperketatkan kawalan di sempadan Malaysia-Thailand dan perairan bagi memastikan senjata yang dilarikan itu tidak dibawa keluar ke negara jiran melalui negeri itu.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Apdal, yang melawat kern itu pagi ini, berkata semua operasi polis dan tentera di seluruh negara dipertingkatkan bagi mengesan kumpulan itu, yang dipercayai masih berada di negara ini.

Beliau, yang ditemani Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Zahidi Zainuddin, diberi taklimat mengenai kejadian itu oleh Panglima Dua Divisyen, Mejar Jen Datuk Khairuddin Mohd.

Dalam kejadian itu, kumpulan 15 lelaki berpakaian celoreng tentera Malaysia, lengkap dengan pangkat dan beret, memasuki kern itu kononnya membuat pemeriksaan mengejut.

Mereka mengambil masa antara 20 hingga 30 minit untuk mengangkut senjata dan peluru ke dalam tiga kenderaan pacuan empat

KERAJAAN melihat semua kemungkinan, termasuk motif politik, dalam kes kecurian 146 senjata api pelbagai jenis di Kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, Perak, kelmarin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

- LIHAT MUKA 2

Kumpulan 15 dipercayai masih berada dalam negara.

Polis Kedah perketat kawalan di sempadan.

'Leftenan Kolonel' ada kesan parut di pipi.

Senjata mungkin cuba diseludup ke luar negara.

- Muka 4

roda jenis Pajero berwarna hijau serta menggunakan nombor pendaftaran tentera, sebelum melarikan diri.

Antara senjata yang dilarikan ialah 80 laras raifal M16, lima pelancar bom tangan M16, dua Steyr, empat General Purpose Machine Gun (GPMG) dan enam Light Machine Gun (LMG).

Turut hilang ialah 40 peluru mortar MMHE, peluru M16 (80 butir), flare tripwire (54) serta berpuluh-puluh peralatan tentera, termasuk kelopak senjata M16 (98), benet (26) dan pouch (enam pasang).

Ketika kejadian, sembilan pengawal bertugas di kern berkenaan,

termasuk mereka yang membuat rondaan di sekitar kern.

Kumpulan yang sama sebelum itu merampas peralatan komunikasi serta 14 laras M16 selepas menahan 14 anggota tentera di pos kawalan Sungai Rui, tidak jauh dari kern berkenaan.

Di IPOH, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di sini bagi menguruskan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, diberi taklimat oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai mengenai perkembangan terbaru kes itu.

Sebelum itu, Norian mendengar

taklimat hampir tiga jam daripada Ketua Polis Perak, Datuk Mariman Taib di ibu pejabat polis negeri.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat MT Umno, Dr Mahathir berkata keselamatan negara tidak terjejas dengan rompak senjata di kern berkenaan.

Bagaimanapun beliau bimbang kemungkinan senjata yang dilarikan itu dijual kepada pihak tertentu yang memerlukannya.

Najib pula tidak menolak kemungkinan kejadian itu berpunca daripada sikap 'ambil ringan' serta tidak sensitif dalam menghadapi situasi tertentu oleh anggota tentera yang bertugas di kern

itu pagi semalam.

Katanya, kemungkinan anggota bertugas yang berpangkat prebet dan lans koperal itu tidak terfikir kumpulan menyamar sebagai pegawai itu mempunyai tujuan tidak baik.

"Mereka menganggap kumpulan yang berpakaian seragam itu adalah pegawai tentera tulen," katanya.

Sementara itu, sumber-sumber berkata siasatan mengenai kes itu dijangka melangkaui sempadan Malaysia kerana pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan ia mempunyai kaitan dengan kegiatan haram menjual senjata api pada peringkat antarabangsa.